

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Pelanggan yang dihormati, Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.	ALLIANCE BANK Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) Jaminan Perkapalan Tarikh: _____
1. Apakah produk ini?	
Jaminan Perkapalan (SG) ialah surat indemniti yang dikeluarkan oleh Bank yang dialamatkan kepada Syarikat Perkapalan atas arahan pengimport/pembeli (Pelanggan) untuk pelepasan barang tanpa pembentangan Bil Muatan/Bill of Lading (BL) asal. SG biasanya digunakan apabila barang tiba lebih awal daripada BL apabila pengimport ingin mengambil barang pada masa yang paling awal. SG dikeluarkan oleh Bank, melalui tandatangan balas indemniti, atas permintaan pengimport/pembeli, tertakluk kepada ketersediaan kemudahan pembiayaan perdagangan yang diberikan oleh Bank	
2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?	
• Memudahkan pelepasan barangan di pelabuhan apabila tiba dengan tiada bil muatan kapal yang asal. • Pengelakan caj kelewatan waktu berlabuh disebabkan pelepasan lewat.	
3. Apakah tanggungjawab saya?	
Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menebus SG dan mengembalikan kepada Bank untuk pembatalan apabila menerima bil muatan kapal yang asal	
4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?	
Komisen	• 0.1% daripada nilai invois • Minimum RM100.00 (di bawah Surat Kredit) atau RM200.00 (Bukan di bawah Surat Kredit)
Bayaran Pos	RM5.00
Fi dan Caj lain	Sila rujuk laman web korporat Bank di untuk maklumat lanjut. Harap maklum bahawa yuran dan caj di laman web Bank akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pautan laman web: https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Trade_Finance_Services_Tariff_Fees_BM.pdf
*Tertakluk kepada SST sebanyak 8%	
5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?	
• SG tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran: Komisen tambahan pada 0.05% setiap bulan daripada jumlah invois selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh pengembalian SG. Minimum RM50.00 setiap bulan. • Hak untuk tolak selesai: ABMB berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun untuk penyelesaian tunggakan dalam akaun Kemudahan Perdagangan. • ABMB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan membubarkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada).	
6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Jaminan Perkapalan ini sebelum tempoh matang?	
Tidak berkenaan	
7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?	
Anda perlu mengambil perlindungan insurans penuh untuk barangan mengikut incoterm yang dipersetujui dalam kontrak jualan	
8. Apakah risiko utama?	
• Tidak menerima bil muatan kapal yang asal, maka tidak boleh menebus SG untuk pembatalan. • Tiada had liabiliti kepada jumlah dan tarikh luput di bawah SG.	
9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?	
• Cagaran: Ya	

- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi kami di talian +603 5516 9988 (Malaysia), tersedia setiap hari dari jam 8:00a.m. - 10:00 p.m.
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh mengemukakan kepada BNMLINK seperti berikut:

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Talian.: 1-300-88-5465 (Malaysia) atau
+603 2174 1717 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00 a.m. - 5:00 p.m.
(Isnin - Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Menara Aras Raya (dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),
Tingkat 1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Talian.: +603 2616 7766
Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m.
(Isnin - Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: www.akpk.org.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan kami atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan

Talian.: 1300-80-3388 (Malaysia) / +603 5624 3888 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00am to 6:00pm
(Isnin - Jumaat kecuali cuti umum)
Emel: bbcc@alliancefg.com

Cawangan Bank

Waktu Operasi:
9:15am to 4:15pm (Semenanjung Malaysia)
9:00am to 4:00pm (Sabah/Sarawak)
(Isnin - Jumaat kecuali cuti umum)

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- Penerimaan Jurubank
- Surat Kredit
- Bil Eksport Dibeli/Didiskaun
- Resit Amanah
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Perundingan Eksport
- Nota Janji Hutang
- Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing
- Jaminan Bank
- Pembiayaan Penjual

NOTA PENTING:

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.